



## "MENJALIN CINTA ABADI DALAM RUMAHTANGGA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا  
مِنْ أَزْوَاجِنَا ذُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengamalkan seluruh Syariat Islam di dalam kehidupan di samping taat mengerjakan segala kefardhuan dan menghindari segala kemungkaran. Semoga hidup kita akan sentiasa dirahmati dan diberkati di dunia ini dan di akhirat kelak.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sesungguhnya semua insan perlukan kasih sayang untuk bahagia. Anak perlukan kasih ibu, ibu dan bapa juga perlukan kasih sayang anak-anaknya. Suami ingin dikasihi, isteri ingin dibelai dengan kasih mesra. Masyarakat yang penyayang sesama anggotanya akan melahirkan suasana aman dan harmoni. Ia bermula dan lahir dari rumahtangga bahagia yang dinaungi kasih dan cinta. Justeru, kita semua perlu menyayangi dan disayangi untuk menjamin kebahagiaan hidup. Di atas kenyataan ini, khutbah Jumaat akan membentangkan tajuk "Menjalini cinta Abadi dalam rumahtangga".

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Cinta yang murni hanya lahir dari naluri yang suci dan dipandu dengan syariat Islam. Cinta adalah fitrah semulajadi manusia. Islam juga adalah agama fitrah yang sentiasa menyediakan panduan dan saluran untuk manusia memenuhi tuntutan fitrahnya.



Firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum ayat 30:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ  
النَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ۚ ذَلِكَ الدِّينُ  
الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

*"Maka hadapkanlah wajahmu (mengikhlaskan dirimu) ke arah agama Allah- fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu, tidaklah patut ada sebarang perubahan pada agama Allah itu; itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".*

Justeru, untuk memastikan jalinan cinta kasih kekal abadi di dalam rumahtangga kita perlu merujuk kepada panduan Islam. Kita perlu saling kenal-mengenal, memahami antara sesama pasangan suami isteri berdasarkan syariat Islam.

Firman Allah SWT di dalam Surah An-Nisa' ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ  
وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا  
وِنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ  
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾



*"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam), dan daripadanya Allah menciptakan isterinya (Hawa) dan juga membiakkan daripada kedua-duanya-zuriat keturunan- lelaki dan perempuan yang ramai; dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahmi) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu".*

Ayat ini menjelaskan bahawa wanita adalah sebahagian daripada lelaki dan menjadi pelengkap kepada golongan lelaki. Lalu dengan penyatuan kedua-duanya lahirlah keturunan mereka. Ingatlah bahawa kita saling memerlukan. Lelaki tak mungkin hidup sempurna tanpa wanita, begitu juga sebaliknya. Maka bersikap baiklah terhadap sesama pasangan kita dan perlulah saling menghargai. Allah juga menuntut agar kita memelihara hubungan silaturrahmi kerana ia adalah salah satu jaminan kebahagiaan hidup kita. Manusia perlu hidup secara berjemaah untuk menyempurnakan keperluan hidup mereka.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Rasulullah s.a.w juga menjelaskan bahawa wanita perlu dididik dengan penuh sabar dan secara berterusan. Pimpin dan bimbinglah isteri untuk menjadi pasangan terbaik kita. Wanita memang tabiat asalnya bersifat lemah lembut. Kekerasan tidak akan membuahkan sebarang perubahan yang baik malah akan memusnahkan segala kebaikan yang sedia ada. Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :



اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ  
وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلْعِ أَعْلَاهُ فَإِنْ ذَهَبَتْ  
تُقِيمُهُ، كَسَرْتَهُ، وَإِنْ تَرَكَتَهُ، لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ  
فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ.

"Berpesan-pesanlah kepada kaum wanita, kerana sesungguhnya wanita dicipta dari tulang rusuk dan tulang rusuk yang paling bengkok adalah yang bahagian yang paling atasnya. Jika kamu cuba meluruskannya kamu akan mematahkannya namun jika kamu membiarkannya dia akan kekal bengkok. Maka teruslah berpesan-pesan kepada kaum wanita".  
(Riwayat Al-Bukhari)

Sentiasa bersikap tenang, sabar, bergaul baik dan sering membantu isteri adalah Sunnah Rasulullah s.a.w yang wajar kita contohi. Baginda menegaskan bahawa lelaki yang melayani isterinya dengan baik dan penuh kasihsayang adalah sebaik-baik insan. Hadis daripada Aisyah RA bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي.

"Orang yang paling baik di kalangan kamu ialah orang yang paling baik (pergaulannya) dengan ahli keluarganya dan aku adalah orang yang paling baik dari kalangan kamu dengan ahli keluargaku".

(Riwayat At-Tirmizi)



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Dengan layanan dan bimbingan baik yang berterusan pasti kasih dan cinta akan berbunga dan mekar di dalam jiwa. Wanita yang tabiatnya lemah lembut perlu dilayan dan dididik secara tenang dan berwibawa untuk memupuk keyakinan dan cintanya kepada suaminya. Kewibawaan dan ketenangan suami akan membuat isteri tenang dan mencintai suaminya kerana kasih dan keyakinannya kepada keampuhan naungan tempat dia berteduh. Inilah rahsia kerukunan dan kebahagiaan rumahtangga.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Seperkara lagi yang perlu dipandang serius adalah keupayaan suami selaku ketua keluarga dalam menyediakan keperluan nafkah anak isteri dengan sempurna. Pengabaian terhadap tanggungjawab ini adalah petanda keruntuhan nilai cinta kasih dalam rumahtangga. Mana mungkin cinta dapat dipertahankan jika hak asas di dalam keluarga diabaikan. Renungilah firman Allah di dalam Surah An-Nisa' ayat 34 :

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ  
بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ



*"Kaum lelaki itu adalah pemimpin terhadap kaum wanita disebabkan Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa*



*keistimewaan)mengatasi kaum wanita dan juga kerana orang lelaki telah menafkahkan (membelanjakan) sebahagian daripada harta mereka”.*

Di samping itu, untuk menjamin cinta dan kasih berpanjangan setiap suami perlu membahagiakan keluarganya dengan menyediakan kesempurnaan kehidupan. Suami yang dicintai oleh isteri dan anak-anaknya adalah suami dan ayah yang berusaha gigih mendidik membangunkan ekonomi dan menyediakan kehidupan yang selesa untuk keluarganya. Sebaliknya suami yang gagal menyempurnakan tanggungjawab ini akan gagal meraih kasih dan cinta anak isterinya. Kita harus akur dengan hakikat ini kerana ia sebenarnya telah dinyatakan oleh baginda Rasulullah s.a.w.

Hadis daripada Nafi' bin Abdul Harith bahawa Rasulullah s.a.w bersabda :

مِنْ سَعَادَةِ الْمَرْءِ الْجَارُ الصَّالِحُ وَالْمَرْكَبُ  
الْهَنِيُّ وَالْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ.

*”Di antara tanda kebahagiaan seseorang itu adalah memiliki jiran yang baik, kenderaan yang elok dan tempat tinggal yang luas selesa”.*

*(Riwayat Ahmad)*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Marilah kita mengimbas kembali beberapa intipati penting khutbah pada hari ini, antaranya ialah;

Pertama : Sesungguhnya jalinan kasih dan cinta dalam rumah tangga dapat dipupuk dengan sikap saling mengenali,



memahami dan menghargai di antara pasangan suami isteri.

Kedua : Sesungguhnya wanita perlukan bimbingan bersulam kasih sayang untuk gagah membangunkan sesebuah rumahtangga yang bahagia bersama suaminya.

Ketiga : Sesungguhnya suami selaku ketua keluarga sewajarnya berusaha gigih menyediakan keperluan dan keselesaan hidup keluarganya agar kasihsayang terpahat kukuh di hati ahli keluarga terhadapnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا  
لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ  
فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

*"Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya), bahawa Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu hidup bahagia dengannya dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan kasihan belas. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir".*

(Ar-Rum : 21)





بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ  
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاه



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى  
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru, kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.